

'Singapura tiada semangat kejranaan'

BH 31 MAR 2002

Oleh **MOHAMMAD ISHAK**

JERTIH: Tindakan Kerajaan Singapura meneruskan projek menambak lautnya di Selat Tebrau dan membelakangkan pandangan Malaysia, didakwa mempunyai unsur sengaja dan tidak mempunyai semangat kejranaan.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Osman, berkata pemimpin republik itu bukan tidak tahu bantahan rakyat Johor, malah rakyat Singapura sendiri turut mempersoalkan tindakan itu.

Beliau juga mengangap pandangan keras Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu itu sebagai amat wajar dan tepat sekali kerana Singapura enggan bertolak ansur sehingga menjejaskan perairan negara.

Menurutnya, jika Singapura mahu meneruskan amalan hidup secara bersama adalah wajar pandangan yang disuarakan pelbagai pihak di Malaysia dan negara itu diberi perhatian.

"Saya terkilan kerana kerajaan negara itu terus berdegil dan ber-

keras untuk meneruskan projek itu walaupun menerima bantahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno bahagian Besut, di sini, hari ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh yang juga Ketua Umno bahagian Besut, hadir sama di majlis itu.

Abdul Ghani ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri itu berkata, Singapura sebenarnya bimbang dengan kemajuan pesat yang berlaku di Johor me-

nyebabkan mereka kini rasa cemburu dengan apa yang dilakukan negara ini.

Contohnya, katanya, Singapura kini kehilangan kira-kira 15 peratus sumber ekonomi setiap tahun kerana banyak kapal dagang memilih Pelabuhan Pasir Gudang untuk memunggahkan barang dagangan.

Ditanya mengenai tindakan susulan Kerajaan Johor jika projek itu diteruskan, beliau berkata, ia terserah kepada Kerajaan Pusat kerana ia menjadi isu antarabangsa.